

NAM harus beri perhatian isu antarabangsa: PM

R964 16/6/04 2H M:3

Oleh Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, sudah tiba masanya Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) memberi perhatian terhadap isu antarabangsa yang berkaitan dengan kepentingan negara membangun.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi NAM berkata, pergerakan itu tidak boleh lagi membuang masa memanjangkan perdebatan sama ada pertubuhan itu terus relevan atau tidak pada era globalisasi.

"Apa yang diperlukan ialah komitmen semua negara anggota NAM untuk menukarnya menjadi kenyataan. Sungguh tidak munasabah untuk bergantung kepada orang lain bagi melindungi dan mengetengah-

kan kepentingan anggota NAM atau negara Selatan.

"NAM mesti bersama pertubuhan antarabangsa lain yang relevan seperti Kumpulan 77 dan bekerja menerusi proses multilateral seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan perundingan lain pada peringkat sejagat," katanya ketika melancarkan Majlis Perniagaan NAM di Sungai Besi di sini, semalam. Teks ucapannya dibacakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Dompok; Menteri Pelancongan, Datuk Leo Michael Toyad; Presiden Majlis Perniagaan NAM, Tan Sri Azman Hashim; Naib Presidennya, Jose Concepcion; Pengerusi Bersama Lembaga Pengurusannya, Tarun Das dan Setiausaha Agungnya, Datuk Dr

Michael Yeoh.

Majlis Perniagaan NAM ditubuhkan hasil Forum Perniagaan NAM di sini pada 23 dan 24 Februari tahun lalu.

Abdullah berkata, isu sejagat yang perlu ditangani termasuk kesan globalisasi, struktur tidak seimbang dalam sistem ekonomi dan keperluan melakukan reformasi terhadap sistem kewangan antarabangsa, perundingan semula rejim perdagangan antarabangsa, menyelesaikan hutang luar negara, menangani kesan teknologi maklumat dan komunikasi serta membasmi kemiskinan.

Katanya, pertubuhan bukan kerajaan seperti Majlis Perniagaan NAM boleh berperanan sebagai kumpulan pemikir menjana dan memberi idea kepada kerajaan negara anggota NAM, memantau arah aliran perniagaan sejagat serta memberi maklum

balas mengenai pembangunan kritikal pada peringkat antarabangsa.

"Usaha penyuburan semula NAM sepatutnya bergantung kepada agenda pembangunan yang kukuh, termasuk desakan supaya globalisasi ditakrifkan semula agar persamaan dan keadilan boleh dinikmati dalam orde ekonomi dunia," katanya.

Abdullah berkata, Majlis Perniagaan NAM boleh membantu penyuburan semula pertubuhan itu menerusi kerjasama perniagaan dan ekonomi kerana banyak negara membangun berjaya dalam sektor tertentu.

Katanya, negara anggota NAM boleh bekerjasama dalam banyak bidang seperti tenaga, pembangunan infrastruktur, sains dan teknologi, pertukaran dan pembangunan sumber manusia.

"Majlis ini boleh memimpin usaha

memperkuhkan kerjasama Selatan-Selatan dalam bidang terbabit, termasuk mengendalikan projek yang menguntungkan negara Selatan.

"Walaupun penyelidik, ahli perniagaan dan perbankan kita sering menghantar data, menandatangani kontrak dan memindahkan dana ke Amerika dan Eropah yang beribu batu jauhnya dalam masa singkat menerusi komputer, malangnya kita sukar bertukar maklumat sesama negara sekeliling atas asas yang sama.

"Misalnya, Majlis Perniagaan NAM sangat sesuai menjadi tempat penyebaran maklumat mengenai keperluan segera membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan atau menyediakan kepakaran untuk memulakan perusahan kecil dan sederhana di negara Selatan," katanya.